

## KERATAN AKHBAR

BERITA HARIAN

TARIKH 29..... BULAN 04..... TAHUN 2024.....



Sebahagian peserta yang terbabit dalam bengkel teknik pencerapan burung.

# UMT, NEST meterai MoU kepakaran biodiversiti

BH / 29/04/2024 / M/S 21

**Kuala Terengganu:** Bagi merencanakan lagi program peningkatan sosioekonomi di kawasan pedalaman, Universiti Malaysia Terengganu (UMT) menganjurkan aktiviti pencerapan burung di kawasan tertentu khususnya Tasik Kenyir.

Naib Canselor, Prof Datuk Dr Mazlan Abd Ghaffar, berkata menerusi aktiviti pencerapan itu, UMT akan berkongsi kepakaran berkaitan ilmu biodiversiti serta aktiviti lain seperti pengenalan dan pengecaman kepada spesies burung.

Usaha ini katanya, mampu merencanakan lagi aktiviti ekonomi dengan kehadiran pelancong sekaligus memberi limpahan rezeki kepada pengusaha

rumah inap, resort, pengusaha makanan dan produk makanan.

Susulan itu, UMT melalui Institut Biodiversiti Tropika dan Pembangunan Lestari (IBTPL) dan Pertubuhan Kelestarian Ekosistem Alam (NEST), menjalinkan kerjasama menerusi termeterainya perjanjian persefahaman (MOU) bagi memastikan jalinan kerjasama itu bakal memberi manfaat kepada penyelidik dan juga komuniti sekitar.

“Kepakaran yang dimiliki UMT dan kelebihan fasiliti stesen penyelidikan serta sokongan daripada NGO mampu memberi impak besar kepada sektor pembangunan dan pelancongan di Tasik Kenyir,” katanya.